

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
KAWASAN : PARIT SULONG
TARIKH : 27.10.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 55

YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan sektor swasta di Malaysia telah bersedia menyahut peluang dan cabaran pewujudan *ASEAN Economic Community* (AEC) pada tahun 2015.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

1. Integrasi ekonomi ASEAN telah bermula sejak lebih dua dekad yang lalu dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkukuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN yang ditandatangani pada Januari 1992. Proses integrasi ekonomi ASEAN telah diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC Blueprint*) yang diperakukan sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2007. AEC merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi ASEAN untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota

khususnya dalam menjadikan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Tiga (3) skop utama AEC adalah integrasi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan.

2. Pada masa ini negara-negara ASEAN telah memansuhkan duti import ke atas kebanyakan produk intra-ASEAN. Contohnya, ASEAN-6 (Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura) telah memansuhkan duti import ke atas 99% produk bagi perdagangan intra-ASEAN sejak tahun 2010. Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam pula akan memansuhkan duti import ke atas semua barangan pada 1 Januari 2015, dengan fleksibiliti ke atas beberapa barangan terpilih sehingga tahun 2018.

3. Sektor perkhidmatan juga telah diliberalisasikan secara berperingkat mulai tahun 1995 dan sehingga kini sebanyak 9 pakej liberalisasi sektor perkhidmatan telah dipersetujui dan dilaksanakan. Pakej liberalisasi ke-10 kini sedang dirundingkan dan disasarkan untuk dimuktamadkan menjelang akhir 2015. Sebanyak 12 sektor perkhidmatan utama atau *128 sub-sectors* terlibat dalam proses liberalisasi ini di mana pegangan ekuiti bagi sektor-sektor ini dibuka untuk pegangan equity asing (ASEAN) di antara 70% sehingga 100%. Liberalisasi sektor perkhidmatan juga turut memudahkan pergerakan pekerja berkemahiran melalui perjanjian-perjanjian pengiktirafan bersama bagi perkhidmatan kejuruteraan, kejururawatan, pergigian, seni bina, perakaunan, kedokteran dan pengukuran. Liberalisasi sektor pelaburan pula telah dilaksanakan merangkumi sektor pembuatan, perlombongan dan kuari, perhutanan, pertanian dan perikanan serta perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan

dengan sektor-sektor tersebut. Aspek jaminan pelaburan turut dirangkumkan di dalam proses liberalisasi di mana pelaburan intra-ASEAN diberikan perlindungan sewajarnya.

Tuan yang Di Pertua,

4. Beberapa langkah-langkah utama telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan untuk memastikan sektor swasta Malaysia dapat bersedia dan memanfaatkan AEC iaitu:

- (i) semua proses liberalisasi di bawah AEC dijalankan secara berperingkat dan tidak mendadak bagi memastikan sektor swasta dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan persekitaran perniagaan;
- (ii) pelbagai program telah disediakan oleh Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SME CORP), Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya program pembangunan modal insan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khidmat nasihat maklumat pasaran dan bantuan pembiayaan perniagaan. Bantuan-bantuan ini adalah perlu bagi memastikan usahawan Malaysia dapat bersaing secara domestik dan serantau;

- (iii) memastikan rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai AEC melalui pelbagai program kesedaran (*outreach*). Pada tahun lalu sahaja, sebanyak 40 sesi taklimat khusus tentang AEC telah dianjurkan dan disertai oleh MITI. Menjelang hujung tahun 2014, sebanyak 85 sesi taklimat lagi akan selesai dilaksanakan. Sesi-sesi taklimat ini disasarkan kepada komuniti perniagaan dan kumpulan-kumpulan profesional bagi memberi penerangan mengenai peluang-peluang di bawah AEC. Sesi perkongsian yang sama juga turut melibatkan masyarakat umum termasuklah belia, pelajar institusi-institusi pengajian tinggi dan badan-badan bukan kerajaan. MITI dan kesemua agensinya akan terus melaksanakan pelbagai program/aktiviti bagi meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan sektor swasta Malaysia menjelang pewujudan AEC pada tahun 2015;

- (iv) misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada melalui AEC dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN. Pada tahun ini (sehingga Oktober 2014), sebanyak 27 misi perdagangan ke negara-negara ASEAN telah dilaksanakan; dan

- (v) Kerajaan juga berkerjasama rapat dengan majlis-majlis perniagaan Malaysia di luar negara. Di peringkat ASEAN,

majlis-majlis perniagaan ini telah ditubuhkan di Indonesia, Thailand, Myanmar, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan menyarankan agar usahawan-usahawan tempatan dapat berinteraksi dengan majlis-majlis ini untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara tersebut.

5. Kesan integrasi dan ekonomi ASEAN telah memberikan ruang dan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk memperluaskan perniagaan ke negara-negara ASEAN lain. Sehingga kini, adalah dianggarkan lebih daripada 500 buah syarikat Malaysia telah beroperasi di negara-negara ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress.